

# KELUARGA ADALAH TUNJANG KEJAYAAN



"Saya percaya di sebalik kejayaan seseorang individu itu, sedikit sebanyak adalah disebabkan dorongan dan sokongan daripada ahli keluarganya." Dekan Sekolah Perubatan, Prof. Dr Osman Ali berkata demikian sempena dengan Majlis Makan Malam Hari Keluarga Sekolah Perubatan 2007, yang telah diadakan pada 7 hingga 9 Disember 2007 di Ostrich Lodge, Kota Belud. Hari Keluarga Sekolah Perubatan yang ketiga ini telah ini dianjurkan oleh PM Dr Khaing Khaing Myint. Warna ungu merupakan tema pakaian pada hari keluarga tersebut. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti lawatan ke Ostrich Farm, pertandingan karaoke, persembahan nyanyian, sukaneka dan cabutan bertuah.

Walaupun pada ketika itu, hujan melanda namun segala aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Keseronokan jelas kelihatan pada riak muka setiap orang yang hadir pada Pertandingan karaoke pada tahun ini dimenangi oleh Prof Dr Osman Ali yang telah menyanyikan lagu 'angin malam' yang dipopularkan oleh Boery Maratinka. Beliau telah membawa lagu tersebut dengan penuh perasaan sehinggakan menambat hati para pengadil. Manakala hadiah utama cabutan bertuah (*Grand Prize*) iaitu televisyen 29" telah dimenangi oleh Cik Nurul Izza.

Kemeriahan seperti ini perlu diteruskan agar hubungan di antara kakitangan dapat dieratkan lagi. Semoga Hari Keluarga yang seterusnya semakin meriah lagi.

